



# AmFIRST

## Real Estate Investment Trust

### AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

[Ditubuhkan di Malaysia di bawah Surat Ikatan bertarikh 28 September 2006 ("Surat Ikatan Asal") (sebagaimana dipinda melalui Surat Ikatan Ditambah, Disemak dan Dinyatakan Semula bertarikh 15 Disember 2006 ("Surat Ikatan Pertama"), Surat Ikatan Kedua bertarikh 13 September 2013 ("Surat Ikatan Kedua") dan Surat Ikatan Ketiga bertarikh 12 June 2020 ("Surat Ikatan Ketiga")) ditandatangani di antara AmREIT Managers Sdn Bhd dan Maybank Trustees Berhad, syarikat-syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965]

### NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-SEBELAS

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan yang Keselabel ("MAT Keselabel") bagi Pemegang-Pemegang Unit AmFIRST Real Estate Investment Trust ("AmFIRST REIT") akan dikendalikan secara maya menerusi penstriman langsung dan pengundian dalam talian melalui fasilitasi Pengundian Elektronik Penyertaan Jauh atau *Remote Participation Electronic Voting* ("RPEV") bagi mempertimbangkan dan jika bersesuaian, akan diluluskan dengan atau tanpa mengubahsuai resolusi-resolusi yang dinyatakan di dalam notis ini.

Tempat Mesyuarat : <https://meeting.boardroomlimited.my>  
(Domain Registration No. dengan MYNIC - D6A357657)  
Hari dan Tarikh : Khamis, 20 Julai 2023  
Masa : 10:00 pagi  
Tempat Penyiaran : 12<sup>th</sup> Floor Menara Symphony  
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim  
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

#### URUSAN BIASA

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2023 AmFIRST REIT bersama dengan Laporan Pemegang Amanah dan Juraudit.

#### URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati sesuai, untuk meluluskan resolusi-resolusi yang berikut:

2. **CADANGAN PEMBERIAN KUASA UNTUK MEMPERUNTUKKAN DAN MENERBITKAN UNIT-UNIT BARU SELARAS DENGAN PERENGGAN 6.59 KEPERLUAN PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD ("CADANGAN PENGUATKUASAAN")** **RESOLUSI BIASA NO. 1**

"BAHAWA selaras dengan syarat-syarat Penyeneraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan kelulusan dari pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak berkenaan, di mana kelulusan adalah diperlukan, Lembaga Pengarah AmREIT Managers Sdn Bhd ("Pengurus") ("Para Pengarah") adalah dengan ini diberi kuasa mutlak untuk memperuntukkan dan menerbitkan Unit-Unit baharu dalam AmFIRST REIT ("Unit-Baru") dari masa ke semasa kepada orang-orang tertentu dan untuk tujuan-tujuan tertentu menurut budi bicara Para Pengarah yang dianggap wajar dan demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT dan Pemegang Unitnya dengan syarat bahawa bilangan agregat Unit Baru apabila diagregatkan dengan bilangan unit-unit yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini selama dua belas (12) bulan sebelumnya, tidak melebihi 20% daripada jumlah bilangan unit AmFIRST REIT sedia ada yang diterbitkan pada ketika ini.

DAN BAHAWA Cadangan Penguatkuasaan akan berkuatkuasa dan akan terus berkuatkuasa mulai tarikh-tarikh penerimaan kelulusan semua pihak berkuasa yang berkaitan atau tarikh Pemegang Unit meluluskan resolusi ini, mana yang mungkin kemudian, sehingga:

- kesimpulan MAT pemegang-pemegang Unit berikutnya pada masa ia akan luput, melainkan dengan ketetapan yang disahkan dalam mesyuarat, penguatkuasaan diperbaharui; atau
- amatnya tempoh MAT pemegang-pemegang Unit berikutnya selaras dengan undang-undang; atau
- Cadangan Penguatkuasaan dibatalkan atau diubah oleh pemegang saham dalam mesyuarat pemegang-pemegang Unit;

Mana-mana yang berlaku terlebih dahulu;

Unit Baru yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini akan, atas peruntukkan dan terbitan berkuatkuasa sama rata dalam semua aspek dengan unit-unit yang telah sedia ada, kecuali bahawa Unit Baru tidak akan berfak kepada sebarang pendapatan yang boleh diagihkan, hak-hak, manfaat, kelayakan dan/atau lain-lain pengagihan yang mungkin diisytiharkan sebelum tarikh peruntukkan dan terbitan Unit Baru tersebut.

DAN BAHAWA Para Pengarah dan Maybank Trustees Berhad ("Pemegang Amanah"), yang bertindak untuk dan bagi pihak AmFIRST REIT, adalah dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan kepada resolusi ini dengan kuasa penuh untuk menyetujui sebarang syarat, variasi, pengubahsuaian dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah anggap adalah demi kepentingan terbaik Pemegang Unit AmFIRST REIT dan untuk berurusan dengan semua perkara berhubung dengannya dan untuk mengambil semua langkah dan melakukan semua perbuatan dan perkara dalam apa-apa cara sebagaimana yang mereka anggap perlu atau sesuai untuk melaksanakan, memuktamadkan dan menguatkuasakan sepenuhnya resolusi ini.

DAN PADA DALAM ITU BAHAWA Para Pengarah dan Pemegang Amanah, yang bertindak untuk dan bagi pihak AmFIRST REIT, adalah dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan dengan mengambil semua langkah dan melakukan semua tindakan, ikatan dan perkara dengan cara apa pun (termasuk memeterai dokumen yang mungkin diperlukan) sebagaimana yang difikirkan perlu atau berguna untuk melaksanakan, memuktamadkan, melengkapkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada penguatkuasaan yang dicadangkan."

#### Dengan Perintah Lembaga Pengarah

AmREIT MANAGERS SDN BHD

No. Pendaftaran 200601011214 (730964-X)

Pengurus bagi AmFIRST Real Estate Investment Trust

Chan Sau Leng (MAICSA 7012211) (SSM PC No.: 202008002709)

Ruzeti Emar Binti Mohd Rosli (LS0010372) (SSM PC No.: 202008000974)

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

31 Mei 2023

#### NOTA PENERANGAN:

##### (A) Penyata Kewangan Diaudit

Agenda ini adalah bertujuan untuk perbincangan sahaja dan tidak memerlukan persetujuan yang rasmi daripada pemegang-pemegang Unit. Oleh yang demikian, ia hanya tidak akan dikemukakan bagi undian.

##### (B) Resolusi Biasa No. 1 – Cadangan Penambahan Jumlah Bilangan Unit AmFIRST REIT Sedia Ada yang diterbitkan daripada 686,401,600 Unit sehingga jumlah maksimum sebanyak 823,681,920 Unit dalam AmFIRST REIT ("Unit-Unit").

Resolusi Biasa No. 1, sekiranya diluluskan, akan memberi Lembaga Pengarah ("Para Pengarah") dari tarikh MAT yang akan datang, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan dua puluh peratus (20%) daripada jumlah bilangan Unit AmFIRST REIT sedia ada yang diterbitkan buat masa ini, jika dan apabila ada keperluan atau peluang perniagaan timbul yang mana Para Pengarah anggap adalah demi kepentingan AmFIRST REIT. Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau diubah pada Mesyuarat Agung, akan luput pada MAT yang akan datang.